

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK SEBERANG PERAI 2016-2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



PELAN STRATEGIK POLITEKNIK SEBERANG PERAI 2016-2020

ISI KANDUNGAN

PERKARA

HALAMAN

Kata Aluan Ketua Pengarah	3
Kata Aluan Pengarah	4
Pengenalan PSP	5
Struktur Organisasi PSP	6
Visi dan Misi	7
Pengenalan Pelan Strategik PSP 2016-2020	9
Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara	10
Hala Tuju Transformasi Politeknik	11
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025	12
10 Lonjakan Dalam Pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)	13
Analisis SWOT dan TOWS	14
Pelan Strategik Politeknik Seberang Perai 2016-2020	23
Teras 1 - Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang	24
Teras 2 - Kecemerlangan Bakat	30
Teras 3 - Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat	34
Teras 4 - Graduan TVET Berkualiti	38
Teras 5 - Kemampanan Kewangan (Kemapanan / Kamus Dewan Edisi Keempat)	42
Teras 6 - Pemantapan Tadbir-Urus (Pengurusan Aset Kerajaan) / Tadbir Urus	46
Teras 7 - Ekosistem Inovasi	50
Teras 8 - Keunggulan Global	54
Teras 9 - Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global	58
Jawatankuasa Pelan Strategik PSP 2016-2020	62

KATA ALUAN

KETUA PENGARAH JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Pelan Strategik PSP 2016-2020 telah berjaya disiapkan dan dijadikan sebagai panduan dan halatuju transformasi PSP. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang begitu komited menyumbang kepakaran, tenaga dan masa untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pelan strategik ini dan seterusnya menjayakan Pelan dan Program Transformasi Politeknik Malaysia. Transformasi Politeknik yang kini memasuki Fasa ketiga iaitu Pemerkasaan, amat penting dihayati oleh semua warga PSP kerana ianya memainkan peranan penting dalam usaha menyediakan modal insan negara yang bersedia menghadapi pelbagai senario dan cabaran era globalisasi dunia masa kini.

Politeknik sentiasa komited agar berupaya mengekalkan kecemerlangan dalam melahirkan modal insan yang mempunyai mentaliti minda kelas pertama dan menepati kehendak dan pilihan pemain industri. Transformasi Politeknik yang telah dimulakan pada tahun 2010, telah menampakkan pencapaian dalam hasrat untuk memperkukuhkan peranan Politeknik Malaysia melahirkan lulusan yang mempunyai personaliti unggul dan seterusnya berupaya melonjakkan politeknik sebagai peneraju global dalam bidang pendidikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara. Matlamat utama agenda transformasi ini adalah untuk melestari pembangunan modal insan keluaran politeknik yang akhirnya akan menghasilkan keupayaan baharu kepada politeknik bagi membangunkan sumber manusia negara melangkaui tahun 2020.

Selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kesebelas dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi), peranan politeknik tidak lagi terhad kepada pembinaan generasi cemerlang akademik saja malahan usaha diperhebatkan bagi melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran seiring dengan perkembangan teknologi serta aspek kemahiran yang diperlukan pihak industri bagi melonjakkan ekonomi Malaysia untuk muncul sebagai negara maju. Usaha harus digandakan kerana agenda ekonomi yang digariskan dalam RMK-11, bakal mewujudkan 1.5 juta pekerjaan menjelang tahun 2020 dengan 60% daripada pekerjaan yang akan diwujudkan memerlukan kemahiran dan kelayakan berkaitan TVET. Melalui pembudayaan keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga diharap politeknik mampu menghasilkan lulusan yang kompeten untuk memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa dengan bilangan 75 peratus lulusan polteknik mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan bidangnya dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

Harapan saya pelan strategik ini dapat dihayati dan seterusnya diterjemahkan oleh setiap warga Politeknik Seberang Perai untuk memenuhi aspirasi pembangunan modal insan yang berkualiti dan seterusnya memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Datuk Haji Mohlis Bin Jaafar
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik.

KATA ALUAN

PENGARAH POLITEKNIK SEBERANG PERAI



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh syukur Alhamdulillah dengan rahmat-Nya kita berjaya menghasilkan perancangan Pelan Strategik PSP 2016 hingga 2020 yang akan menjadi teras panduan PSP ke arah mencapai kecemerlangan sepanjang lima tahun ini. Pelaksanaan Pelan Strategik PSP telah melalui dua peringkat iaitu fasa pertama 2006-2010, di peringkat pengwujudan dan kini fasa kedua, 2011-2015, peringkat peningkatan dan pemerksaan sejajar dengan fasa ketiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Pelan Transformasi Politeknik.

Penerbitan Pelan Strategik PSP ini akan menjadi wadah penyampaian dan garis panduan kepada semua warga PSP supaya kecemerlangan yang disasarkan dapat difahami serta dihayati dalam gerak kerja seharian warga PSP bagi merealisasikan Program Transformasi Negara. Sistem pendidikan dan latihan di Politeknik telah memberi sumbangan yang besar dalam penghasilan tenaga pekerja separa profesional dan eksekutif pertengahan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Transformasi ini memberi peranan baharu kepada politeknik dalam penghasilan modal insan yang mampu menyahut cabaran dunia pekerjaan dan mampu memenuhi kehendak pihak industri. Saya percaya dengan komitmen semua warga dan sokongan semua pihak di PSP, akan dapat menyumbang ke arah merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Besarliah harapan saya agar semua warga PSP akan berganding bahu dan menggembeleng tenaga bagi menjayakan pelan strategik ini dengan penuh dedikasi dan komited. Saya berkeyakinan penuh apabila pelan

strategik ini berjaya dihayati oleh semua warga kerja PSP, imej PSP akan dapat ditingkatkan dan seterusnya berjaya mencapai hasrat agar politeknik menjadi pilihan utama pelajar.

PSP, imej PSP akan dapat ditingkatkan dan seterusnya berjaya mencapai hasrat agar politeknik menjadi pilihan utama pelajar. Saya juga percaya, usaha ini juga akan memperkasakan pensyarah dan warga kerja PSP serta melahirkan graduan berkualiti yang menjadi pilihan pihak industri.

Akhir kata, terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan dokumen Pelan Strategik PSP 2016-2020.

Mejar (K) Tuan Haji Zulkifli Bin Ariffin
Pengarah
Politeknik Seberang Perai

PENGENALAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

1998

Politeknik Seberang Perai telah ditubuhkan pada 1 September 1998 bertempat di Jalan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kampus ini dibina dalam kawasan seluas 100 ekar.

PSP terletak di kawasan perindustrian yang pesat membangun dan mengambil masa selama 30 minit dari Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang.

Politeknik ini merupakan politeknik yang ke-10 ditubuhkan di Malaysia selaras dengan dasar kerajaan melahirkan pekerja separa profesional demi merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

1999

PSP telah disempurnakan perasmiannya oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 27 November 1999.

PSP menawarkan program pengajian sepenuh masa dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Perdagangan di peringkat Diploma.

STRUKTUR ORGANISASI

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

PENGARAH

TIMBALAN
PENGARAH AKADEMIK

KETUA JABATAN
KEJURUTERAAN ELEKTRIK

KETUA JABATAN
KEJURUTERAAN MEKANIKAL

KETUA JABATAN
PERDAGANGAN

KETUA JABATAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT & KOMUNIKASI

KETUA JABATAN MATEMATIK,
SAINS & KOMPUTER

KETUA JABATAN PENGAJIAN AM

KETUA JABATAN HAL EHWAL
PELAJAR

KETUA JABATAN SUKAN,
KO-KURIKULUM & KEBUDAYAAN

KETUA UNIT PEPERIKSAAN

KETUA UNIT JAMINAN KUALITI

KETUA UNIT KOLABORASI
INDUSTRI & KEBOLEHPASARAN
GRADUAN (CISEC)

KETUA UNIT PERHUBUNGAN
& LATIHAN INDUSTRI

KETUA UNIT PENYELIDIKAN,
INOVASI DAN KOMERSIALAN

PEGAWAI KESELAMATAN &
KESIHATAN PEKERJAAN

TIMBALAN PENGARAH
SOKONGAN AKADEMIK

KETUA JABATAN
HAL EHWAL PELAJAR

KETUA UNIT ICT

KETUA UNIT LATIHAN DAN
PENDIDIKAN LANJUTAN

KETUA UNIT PEMBANGUNAN
& SENGGARAAN

KETUA UNIT KESELAMATAN &
FIZIKAL

KETUA UNIT PERPUSTAKAAN

KETUA UNIT PEMBANGUNAN
INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA

KETUA UNIT KEUSAHAWANAN

KETUA UNIT PENGURUSAN
PSIKOLOGI & KERJAYA

KETUA UNIT PENYELIDIKAN,
INOVASI & KOMERSIALAN

KETUA UNIT PENTADBIRAN,
PERKHIDMATAN & KEWANGAN

PENGURUS KOLEJ KEDIAMAN
PELAJAR

PENGURUSAN KEWANGAN

PENOLONG PEGAWAI
PERUBATAN

VISI DAN MISI

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

VISI

Menjadi Institusi TVET Perdana Seiring Kemajuan Industri

*To Become a Premier TVET Institution In Line
with Industrial Development*

MISI

Melahirkan Graduan Holistik Yang Berdaya Keusahawanan Melalui Program TVET Dinamik Seiring Keperluan Industri dan Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa

*To Produce Holistic Graduates with Entrepreneurial Skills through Dynamic
and Internationally Recognised TVET Programmes In Line with Industrial Needs*

PIAGAM PELANGGAN

1. Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar sampai untuk mendaftar.
2. Keputusan peperiksaan akhir diproses dalam masa 14 hari bekerja selepas semester pengajian berakhir.
3. Status tindakan terhadap aduan pelanggan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa 14 hari bekerja selepas aduan diterima.
4. Melaksanakan 100% penyeliaan ke atas semua pelajar yang sedang menjalani latihan industri pada satu-satu semester.

MATLAMAT PENDIDIKAN

Matlamat pendidikan adalah untuk menghasilkan graduan :

- Berpengetahuan
- Berkemahiran
- Berkemahiran insaniah

OBJEKTIF KUALITI

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

OBJEKTIF KUALITI

Kecemerlangan Politeknik Seberang Perai:

- Kecemerlangan Akademik

1. Memastikan kadar kelulusan bagi setiap program tidak kurang daripada 90% bagi setiap semester.
2. Berusaha memastikan sekurang-kurangnya 25% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program bagi setiap semester.

- Kecemerlangan Staf

1. Memastikan setiap staf menghadiri kursus/menjalani latihan selama 10 hari setahun.

- Kecemerlangan Proses

1. Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan / mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan.

MOTTO PSP

PROMISING • SUSTAINABLE • PROGRESSION

PENGENALAN PELAN STRATEGIK

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

Pelan Strategik PSP 2016 - 2020 adalah merupakan dokumen perancangan strategik PSP yang digubal bagi memenuhi keperluan agenda transformasi politeknik. Pelan Strategik ini adalah kesinambungan kepada pelan strategik PSP Fasa Pertama 2006 - 2010 iaitu fasa "Quick Wins" Transformasi Keinstitutional dan Fasa Kedua 2011-2015 Fasa Peningkatan. PSP telah berjaya melaksanakan Fasa 1 (2006-2010) sebagai penyediaan asas untuk landasan bagi menghasilkan pelajar dan staf yang berkualiti. Manakala bagi fasa kedua, perancangan strategik PSP telah memberi tumpuan untuk meningkatkan dan memantapkan teras strategik sedia ada selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Fasa Kedua.

Pelan fasa ketiga adalah merupakan Fasa Kecemerlangan Institusi. Dokumen Perancangan Strategik PSP 2016 - 2020 telah dimurnikan bagi menepati keperluan semasa selaras dengan agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Perancangan ini juga digubal bagi merealisasikan sasaran jangka panjang PSP untuk mencapai tier enam dalam penarafan politeknik atau PolyRate serta menyediakan PSP ke arah pengiktirafan Politeknik Premier.

Tujuan dokumen ini adalah untuk:

- Menerangkan sasaran strategik Pengurusan Politeknik Seberang Perai dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- Menggariskan tindakan bagi perancangan strategik untuk setiap aktiviti yang dicadangkan
- Menentukan garis panduan kecemerlangan pelajar, staf dan organisasi berdasarkan kepada Indeks Petunjuk Prestasi (KPI).



PSPTN

PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dibentuk berdasarkan Teras 2 dalam Rancangan Malaysia ke-9, yang jelas menyatakan bahawa untuk mencapai Wawasan 2020, negara perlu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.

PSPTN digubal dengan hasrat untuk melahirkan modal insan untuk menyokong teras Misi Nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.

Terdapat 4 Fasa dalam Pelaksanaan PSPTN:

Fasa 1 (2007 – 2010): Peletakan Asas

Fasa 2 (2011 – 2015): Peningkatan dan Pemerksaan

Fasa 3 (2016 – 2020): Kecemerlangan

Fasa 4 (melangkaui 2020): Kegemilangan dan Kelestarian

Terdapat 7 Teras dalam PSPTN:

Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti;

Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran;

Memperteguh penyelidikan dan inovasi;

Memperkasakan institusi pengajian tinggi;

Mempergiatkan pengantarabangsaan;

Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan

Mengukuhkan sistem penyampaian KPT

Kesemua teras ini menggariskan matlamat dan sasaran utama yang perlu dicapai ke arah kecemerlangan pengajian tinggi negara.

Bagi pelaksanaan Fasa 1 PSPTN, sebuah dokumen Pelan Tindakan Fasa 1 telah diwujudkan untuk menggariskan inisiatif yang perlu dilaksanakan untuk menjayakan objektif strategik yang telah digariskan.

Keterlibatan Politeknik dan Kolej Komuniti amat penting dan ketara dalam PSPTN, terutama dalam konteks teras yang berkaitan dengan perluasan akses dan pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam Fasa 2 pula, keutamaan dan kepentingan yang diletakkan kepada TEVT menjadikan peranan dan sumbangan Politeknik dan Kolej Komuniti semakin penting.

HALA TUJU TRANSFORMASI POLITEKNIK

POLITEKNIK MALAYSIA

Hala tuju Transformasi Politeknik mempunyai matlamat untuk membina upaya baharu politeknik bagi membangunkan sumber manusia negara untuk memenuhi keperluan Model Baru Ekonomi (MBE) yang memberi penekanan kepada upaya inovasi dan kreativiti.

Konsep Transformasi Politeknik merangkumi perubahan sistemik yang menjurus kepada pewujudan institusi pilihan, penghasilan siswazah yang menepati kehendak pasaran (employable graduates) dan pembinaan persepsi positif dalam kalangan masyarakat terhadap pendidikan politeknik. Aspek yang dicakupi melibatkan pemerkasaan dasar, penambahbaikan reka bentuk proses, penyampaian dan penilaian program, pembangunan kurikulum yang mantap, penjaminan kualiti program, pembangunan tenaga pengajar yang kompeten, pelajar yang berkualiti, sumber dan kemudahan yang lengkap dan usaha inovasi yang berterusan.

Objektif Transformasi Politeknik ialah:

- Melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional pada peringkat diploma.
- Mengukuhkan kerelevanan dan koresponsifan program pengajian di politeknik terhadap kehendak pembangunan ekonomi negara.
- Menerajui bidang tujahan dan teknologi tertentu bagi menghasilkan siswazah berkualiti yang berdaya usahawan, berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing.
- Membina reputasi dan jenama yang mampu meletakkan politeknik antara institusi pengajian tinggi negara yang terbaik.
- Mempelbagaikan dan meluaskan penawaran program yang mampu menarik minat pelajar ke politeknik

Pelaksanaan Transformasi Politeknik dirancang untuk dilaksanakan dalam empat fasa seperti berikut:

Fasa 1 - Quick Wins dan Institutional

- Transformation (2010-2012)

Fasa 2 - Peningkatan (2013-2015)

Fasa 3 - Pemerkasaan (2016 - 2020)

Fasa 4 - Kecemerlangan (melangkaui 2020)

Sumber : Hala Tuju Transformasi Politeknik, 2012

PPPM (PT) 2015-2025

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar agar pendidikan tinggi di Malaysia sentiasa berdaya saing seiring trend global. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi.

Empat Lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh (enablers) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsa dan penyampaian.

Sumber : Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

10 LONJAKAN

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)



ANALISIS SWOT DAN TOWS

KEKUATAN (STRENGTHS)

Pengurusan, Tadbir Urus Dan Sokongan Kerajaan Yang Baik

- Sokongan yang kuat daripada pengurusan tertinggi Politeknik Seberang Perai dan Jabatan Pengajian Politeknik untuk meningkatkan status PSP sebagai Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET)
- Dibiayai dan disokong sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia
- Kadar bayaran yuran pengajian yang rendah jika dibandingkan dengan program pengajian pada tahap yang sama di IPT lain
- Lembaga Penasihat di peringkat JPP yang terdiri daripada personaliti utama dari kalangan pihak industri dan akademia
- Jawatankuasa Penasihat Program Pengajian di peringkat PSP

Institusi TVET Yang Dikenali

- Politeknik Malaysia yang kesepuluh dan ditubuhkan pada tahun 1998
- Di antara penyumbang tenaga kerja berkemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional
- Para pensyarah yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman (lebih daripada 50% pensyarah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh tahun)
- 2.3% (8) pensyarah mempunyai kelayakan PhD, 41.5% (144) dengan kelayakan Sarjana, 52.7%(183) dengan kelayakan Sarjana Muda dan 2.6% (9) dengan kelayakan Diploma, 0.9% (3) pensyarah dengan kelayakan Sijil
- Para pensyarah adalah berinovasi tinggi dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Sokongan Alumni

- Sokongan yang kuat daripada Alumni yang aktif melalui Persatuan Alumni PSP dan media sosial <http://www.facebook.com/alumnipsp> dan <https://twitter.com/alumnipsp>

ANALISIS SWOT DAN TOWS

KEKUATAN (STRENGTHS)

Pengiktirafan & Pencapaian

- Semua program pengajian yang ditawarkan telah mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency)
- Mendapat pengiktirafan MS ISO 9001: 2008 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (Quality Management System) oleh SIRIM
- Mendapat penarafan 5 Bintang (5 star ranking) dalam penilaian portal pada tahun 2012 dan 2013 serta mendapat tempat pertama laman web Sektor Awam kategori politeknik bagi tahun 2011
- Menerima Sijil Naziran Bersih untuk pengurusan kewangan bagi tahun 2012, 2014 dan 2015
- Mendapat pencapaian Tier 6 (Terbilang) dalam Polyrate untuk tahun 2014 dan Tier 5 (Cemerlang) untuk tahun 2015
- Mendapat pengiktirafan tahap Emas dalam APACC (Asia Pacific Accreditation and Certification Commission) pada tahun 2015
- Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) telah mendapat pengiktirafan daripada NIOSH Certification Sdn. Bhd. untuk persijilan OHSAS:18001:2007 dan MS1722:2011
- Mendapat pengiktirafan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (Quality Environment Management System), 5S daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC)
- Ke arah pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), melalui pengiktirafan daripada MAMPU
- Mendapat Johan dalam kategori Institutional Award : Entrepreneurial Polytechnic of the Year, Ministry of Higher Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2015
- Pelajar dan pensyarah telah memenangi beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui penglibatan aktif dalam pertandingan dan R&D (International ICC MPC, FIRA RobotSoccer, MOE ICC, ICOMPEX, INNOMECH, ITEX, COMMFEST, Business Ideas, ELC (TVET), MEA, PEA, MALPTAC, MalPRAC, EURIKA, e-DOLA)
- Pembangunan mampan dalam bidang tujahan iaitu Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan dan Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil)
- Produk-produk inovasi telah dilindungi melalui paten dan hakcipta untuk tujuan pengkomersilan.
- Pelbagai jaringan kolaborasi aktif dan kerjasama pintar dengan Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (tempatan dan antarabangsa), agensi kerajaan dan swasta
- Dua kumpulan penyelidik dalam kalangan pensyarah telah berjaya memenangi dua geran Public-Private Research Network (PPRN) dalam tempoh enam bulan pertama 2016
- Seorang pensyarah telah memenangi Anugerah Ikon Belia Pulau Pinang 2015 kategori profesional dengan nilai geran sebanyak RM 30,000.00 dan wang tunai RM 3,000.00

ANALISIS SWOT DAN TOWS

KEKUATAN (STRENGTHS)

Pengurusan, Tadbir Urus Dan Sokongan Kerajaan Yang Baik

- Kemudahan dan fasiliti PSP digunakan secara meluas oleh pihak komuniti dan industri. Hubungan dan kolaborasi dengan mereka dapat dibina untuk memberi manfaat kepada para pelajar dan staf PSP
- Perpustakaan mempunyai *integrated library management system*
- Mesin dan peralatan yang berteknologi tinggi digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam makmal dan bengkel
- Lanskap kampus PSP adalah luas, cantik dan dijaga dengan baik
- Persekitaran pembelajaran yang kondusif
- Kemudahan fasiliti yang baik untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ko kurikulum dan sukan.
- Kemudahan TECC Room untuk pembelajaran abad ke-21
- Pusat Robotik untuk melestarikan pembelajaran robotik
- Autotech sebagai Inkubator Keusahawanan Automotif
-

Para Pensyarah Yang Berkelayakan

- Para pensyarah yang berkelayakan dalam pelbagai bidang sehingga ke peringkat Doktor Falsafah
- Pensyarah dan juruteknik yang berkelayakan sebagai *Fitness Instructor, Scuba Diving Instructor*, jurulatih bola sepak, memanah, badminton, hoki, bola jaring, tenis, softball, taekwando dan lain-lain
- Para pensyarah dan juruteknik mempunyai kelayakan dalam *Chartered Islamic Finance Professional (CIFP), Certified Fibre Optic Technician (CFOT), Sage UBS Accounting System, CISCO Instructor, Auto-CAD Instructor, CATIA, Chargeman, Second Grade Steam Driver dan Steam Engineer, Freight Operations, Freight Forwarding & Multimodal Transport, Logistics Management Strategy, Warehousing, Freight and Transportation, Customs and Trades Practices in Malaysia, Fundamental Certificate in Islamic Banking & Takaful (FCIBT) - IBFIM, Customer & Trade Practices In Malaysia*
- Kaunselor berkelayakan *Certified Creative Art Therapy dan Certified in Sidek's Psychological Test*
- Pensyarah yang ditauliahkan sebagai Jurulatih *Neuro-linguistic Programming (NLP)*
- Dilantik sebagai *Authorized Pearson VUE Testing Center, Sage UBS Examination Centre, Cisco Networking Academy (Cisco NetAcad) dan Huawei Training Centre*

ANALISIS SWOT DAN TOWS

KELEMAHAN (WEAKNESSES)

Sumber Kewangan

- Sumber kewangan yang terhad untuk aktiviti pelajar

Kompetensi Dalam Kemahiran Berkomunikasi

- Terdapat pelajar yang lemah dalam kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

Penyelidikan Dan Pembangunan

- Peruntukan kewangan yang tidak mencukupi untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan
- Kekurangan penyelidikan dan penerbitan pada peringkat antarabangsa yang berimpak tinggi
- Kreativiti pelajar untuk hasilkan projek pelajar terhad kerana kekangan kewangan

ANALISIS SWOT DAN TOWS

PELUANG (OPPORTUNITIES)

Pelajar

- Kemudahan bantuan dan pinjaman kewangan pelajar melalui: PTPTN, Kuok Foundation, Pinjaman Kerajaan Negeri (Selangor, Perak, Penang), Zakat dan Baitulmal, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), MDAIM, dan lain-lain.
- Para pelajar aktif melibatkan diri dalam program 1M4U untuk pelaksanaan tanggungjawab social korporat (Corporate Social Responsibility) bersama-sama komuniti
- PSP mempunyai hubungan dan kolaborasi bersama-sama institusi/agensi lain untuk aktiviti pelajar

Sokongan Peruntukan Kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri Dan Daerah

- Sokongan peruntukan kewangan daripada kerajaan persekutuan untuk program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui 1M4U
- Peruntukan kewangan untuk program kesejahteraan rakyat (Sukarelawan) daripada Implementation Coordination Unit (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan 1Malaysia For Youth (1M4U)

Lokasi Yang Strategik

- Mempunyai lokasi yang strategik di Seberang Perai, Pulau Pinang, Malaysia (Northern Corridor Economic Region)
- Terletak di kawasan utama perindustrian (Pelabuhan Pulau Pinang, Perai, Mak Mandin, Bukit Minyak, Bayan Lepas, Kulim)
- Kedudukan berhampiran Pelabuhan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
- Lokasi yang berdekatan dengan IPTA yang utama di zon utara (USM, UiTM, UniMAP and UUM)
- Lokasi yang berhampiran dengan Institusi TVET yang lain (IKBN, ILP, Kolej Komuniti)
- Dikelilingi oleh kawasan perumahan
- Menawarkan Pendidikan Sepanjang Hayat kepada pihak komuniti
- Menawarkan kursus di peringkat diploma professional kepada industri
- Berhampiran kemudahan awam seperti stesen keretapi, stesen bas, balai polis, balai bomba, Majlis Perbandaran Seberang Perai, masjid, hospital, pusat perniagaan, kompleks membeli-belah, hotel, taman rekreasi dan kemudahan sukan
- Berpotensi untuk menawarkan kursus-kursus pendek dalam pelbagai disiplin/bidang JKM, JKE, JTMK, JMSK, JP, JPA
- Terdapat banyak firma perniagaan dan kejuruteraan serta agensi kerajaan di sekitar PSP

ANALISIS SWOT DAN TOWS

PELUANG (OPPORTUNITIES)

Kolaborasi

- Kolaborasi baharu dengan IPT, agensi dan industri untuk penandaarasan dan kerjasama bagi memberi pendedahan kepada para pelajar
- Pensyarah boleh memberi khidmat rundingan dan latihan kepada pihak industri, institusi pendidikan dan komuniti
- Geran penyelidikan PPRN

Inisiatif Dan Polisi Ekonomi Kerajaan

1. Economic Transformation Plan (ETP)
 - Sokongan kerajaan untuk menghasilkan tenaga kerja dalam bidang TVET
 - Permintaan terhadap tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan dan berkemahiran yang dihasilkan daripada pelan transformasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi
 - Menjelang tahun 2020 negara memerlukan 1.5 juta tenaga kerja yang mempunyai kelayakan diploma dalam bidang teknik dan vokasional
2. RMK 10 dan RMK 11
 - Menyokong polisi TVET

Tanggungjawab Sosial Korporat

- PSP mewujudkan hubungan yang baik dengan komuniti melalui aktiviti 1M4U dan Kelab Sukarelawan YES! Dan IM4U sebagai pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat

ANALISIS SWOT DAN TOWS

ANCAMAN (THREATS)

Permintaan Pelanggan

- Perubahan dalam permintaan dan keperluan pelanggan / pemegang taruh /pihak berkepentingan
- Pihak industri mempunyai jangkaan dan harapan yang tinggi terhadap kebolehan graduan

Perubahan Pesat Dalam Trend & Teknologi

- Perubahan yang pesat dalam teknologi maklumat
- Perubahan yang pantas dalam arah aliran (trend) dan pembangunan industri yang boleh mempengaruhi keboleh pasaran graduan (graduate employability)

Perubahan Dalam Polisi Kerajaan

- Penubuhan Kolej Vokasional
- Liberalisasi Pengajian Tinggi

Ketidaktentuan Dalam Ekonomi Dunia

- Keadaan ketidakpastian ekonomi negara boleh menjejaskan kadar kebolehdapatan pekerjaan dalam kalangan graduan PSP
- Globalisasi boleh menyebabkan persaingan daripada negara-negara lain yang mempunyai kos buruh yang rendah

Persaingan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Lain

- Persaingan daripada institusi pengajian tinggi lain yang menawarkan program TVET
- Inisiatif daripada lain-lain Institusi Pengajian Tinggi contohnya Mengubah Destini Anak Bangsa (UiTM)

ANALISIS SWOT DAN TOWS

KEKUATAN (STRENGTHS)

- Pengurusan, Tadbir Urus Dan Sokongan Kerajaan Yang Baik,
- Institusi TVET Yang Dikenali
- Sokongan Daripada Alumni
- Kemudahan Fasiliti / Infrastruktur
- Pengiktirafan & Pencapaian
- Para Pensyarah Yang Berkelayakan

KELEMAHAN (WEAKNESSES)

- Sumber Kewangan
- Kompetensi Dalam Kemahiran Berkommunikasi
- Penyelidikan Dan Pembangunan

S-O STRATEGI

1. Meningkatkan bilangan dan penyertaan program PSH dilaksanakan – program pengajian separa masa, program jangka pendek dan terlanggan. (OS6)
2. Menambah jumlah pendapatan yang diperolehi hasil daripada Program PSH - Program Pengajian Separa Masa dan Program Jangka Pendek. (OS4)
3. Menggalakkan pensyarah mendapatkan sijil Profesional berkaitan bidang Akademik dan kokurikulum. (OS4)
4. Memastikan semua staf mengikuti sekurang-kurangnya 4-10 hari latihan dalam perkhidmatan setiap tahun. (OS4)
5. Meningkatkan bilangan latihan dalaman dalam perkhidmatan. (Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Teknikal, Kewangan, Pembangunan Diri, Pembangunan & Penyelidikan, Pentadbiran). (OS4)
6. Melaksanakan program latihan peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pensyarah. (OS4)
7. Melaksanakan penyelidikan dan inovasi (OS1)
8. Melaksanakan aktiviti promosi ke atas produk/perkhidmatan (OS1)
9. Mendapatkan pengiktirafan antarabangsa melalui badan pengiktirafan seperti Mutual Recognition Agreement (MRA), *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC), Dublin Accord (OS1)
10. Mendapat pengiktirafan tier 6 dalam sistem penarafan politeknik(OS4)
11. Mendapatkan akreditasi penuh bagi semua program yang ditawarkan.(OS4)
12. Menerima anugerah pengurusan organisasi dari pihak bertauniah(OS4)
13. Meningkatkan tadbir urus yang inovatif dan kompeten dengan membangunkan sistem pengurusan yang efektif (OS4)
14. Mengukuhkan perhubungan dengan pihak berkepentingan melalui program kemasyarakatan dan jaringan industri.(OS4)
15. Melaksanakan kolaborasi bersama industri dan institusi pengajian tinggi. (OS3)
16. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 menggunakan CIDOS, MOOC dan video pembelajaran dengan cemerlang. (OS3)
17. Mewujudkan program keusahawanan yang melibatkan pelajar (OS3).
18. Melaksanakan program inkubator keusahawanan(OS2).
19. Melaksanakan program melibatkan interaksi pensyarah pelawat dari industri (OS2).
20. Memastikan sekurang-kurangnya ada satu industri dalam setahun untuk kolaborasi dalam pengurusan program sijil professional atau kemahiran (OS6)

PELUANG (OPPORTUNITIES)

- Pelajar
- Lokasi Yang Strategik
- Sokongan Peruntukan Kewangan Daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri Dan Daerah
- Kolaborasi
- Inisiatif Dan Polisi Ekonomi Kerajaan
- Tanggungjawab Sosial Korporat

W-O STRATEGI

1. Menjalin kolaborasi penyelidikan/projek dengan industri/institusi lain/komuniti (OS1)
2. Membina imej sebagai institusi pilihan bagi pelajar lepasan SPM/SPMV/ILP/IKM/Kolej Komuniti dan lain-lain.(OS4)
3. Menghasilkan penerbitan. (OS3)
4. Menghasilkan ciptaan /projek/ inovasi dalam pelbagai pertandingan diperingkat politeknik /kebangsaan/ antarabangsa(OS2).
5. Menyediakan ruang aktiviti/ perbincangan untuk pelajar (OS2).
6. Meningkatkan persekitaran fizikal yang selesa dengan melaksanakan konsep 5S di semua unit dan jabatan (OS2).
7. Menyedia dan menaik taraf infrastruktur ICT yang stabil dan selamat untuk kegunaan semua kakitangan dan pelajar (OS2).
8. Menambah koleksi rujukan di perpustakaan (OS2).

ANALISIS SWOT DAN TOWS

KEKUATAN (STRENGTHS)

- Pengurusan, Tadbir Urus Dan Sokongan Kerajaan Yang Baik,
- Institusi TVET Yang Dikenali
- Sokongan Daripada Alumni
- Kemudahan Fasiliti / Infrastruktur
- Pengiktirafan & Pencapaian
- Para Pensyarah Yang Berkelayakan

KELEMAHAN (WEAKNESSES)

- Sumber Kewangan
- Kompetensi Dalam Kemahiran Berkomunikasi
- Penyelidikan Dan Pembangunan

ANCAMAN (THREATS)

- Permintaan Pelanggan
- Perubahan Pesat Dalam Trend & Teknologi
- Ketidaktentuan Dalam Ekonomi Dunia
- Perubahan Dalam Polisi Kerajaan
- Persaingan Daripada Institusi Pengajian Tinggi Lain

W-O STRATEGI

1. Penandaarasan dengan Institusi TVET kebangsaan dan antarabangsa untuk memperoleh amalan terbaik bagi penambahbaikan. (OS4)
2. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan melalui Outcome Based Education.(OS4)
3. Menghasilkan penyelidikan dan inovasi. (OS 3)
4. Menambahbaik bilik kuliah, makmal dan bengkel dengan menyediakan kelengkapan LCD / kemudahan *Technology Enabled Collaborative Classroom* (TECC) (OS2).

S-O STRATEGI

1. Menjalin hubungan kerjasama antara alumni dan PSP secara bilateral.(OS4)
2. Menyempurnakan pembayaran bil dalam masa 7 hari bekerja. (OS4)
3. Menambah bilangan industri/agensi yang mempunyai kolaborasi aktif dengan politeknik.(OS4)
4. Mewujudkan khidmat rundingan. (OS3)
5. Melaksanakan program bagi memastikan graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian (OS2).
6. Memantapkan Program Pembangunan Modal Insan (OS2).
7. Memperkukuhkan kemahiran literasi maklumat dalam kalangan pelajar (OS2).


PELAN STRATEGIK POLITEKNIK SEBERANG

2016 -2020

Pengenalan

Pelan Strategik PSP 2016 – 2020 Fasa III adalah unjuran perancangan strategik yang memastikan kesinambungan pencapaian objektif-objektif strategik yang telah dicapai dalam Pelan Strategik Fasa II dan Fasa I, melalui usaha-usaha pemerkasaan politeknik sebagai institusi TVET yang unggul. Usaha berterusan Transformasi Politeknik daripada Fasa I hingga ke Fasa IV, selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) adalah inisiatif berterusan untuk merealisasikan agenda Transformasi Kerajaan dan Transformasi Ekonomi tercapai menjelang tahun 2020. Ringkasnya:

Fasa I: Quick Wins dan Transformasi Keinstitusian	(2006 - 2010)
Fasa II: Peningkatan ke arah Kecemerlangan	(2011 - 2015)
Fasa III: Pemerkasaan	(2016 - 2020)
Fasa IV: Kecemerlangan	(melangkaui 2020)



Pembangunan pendidikan tinggi amnya dan pendidikan TVET khususnya, yang didokong oleh Politeknik Malaysia, memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan yang bersedia menyumbang ke arah pembangunan negara dalam bidang teknikal dan vokasional. Politeknik Seberang Perai menggalas tanggungjawab bersama yang didokong oleh Politeknik Malaysia untuk merealisasikan lonjakan menyediakan graduan TVET yang berkualiti seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPMPT) bagi pengajian tinggi. Ke arah ini Politeknik Seberang Perai merancang strategik bagi melahirkan graduan TVET berkualiti, berciri holistik, seimbang, berdaya keusahawanan dan mempamerkan kecemerlangan bakat serta dapat menggunakan teknologi elektronik dan digital untuk menyumbang kepada 'green economy and society'.


Langkah pemerkasaan institusi dalam Fasa III (2016-2020) ini telah dirangka selari dengan 10 lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPMPT) di mana 9 teras utama telah disusun selari dengan 10 Lonjakan sasaran strategi yang hendak dicapai menjelang tahun 2025.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPMPT) 2015-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 7 April 2015



TERAS DI:

GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG



Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang yang merupakan lonjakan pertama dalam PPPM(PT) menggariskan aspirasi sistem pendidikan tinggi bagi membolehkan negara bersaing di peringkat global serta bersedia menjadi sebuah negara maju. Penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai keusahawanan adalah satu proses pembelajaran yang dijangka mampu membuka minda pelajar untuk menjadi lebih kreatif, inovatif, berdaya maju serta berdaya saing. Sistem pendidikan ini berhasrat melahirkan graduan bercirikan keusahawanan, menjadi penjana pekerjaan yang mampu memastikan kemampanan ekonomi negara. Selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT, Pelan Strategi PSP juga memfokuskan kepada empat inisiatif utama iaitu melaksanakan amalan pendidikan berimpak tinggi, melaksanakan rangka kerja penjana perkerjaan, menambahbaik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar dan memperkukuhkan kompetensi tenaga pengajar.

TERAS 1 : GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG

PERNYATAAN DASAR	INISIATIF	PELAN TINDAKAN	PENERAJU (JABATAN /UNIT)	AGENSI/ INDUSTRI SOKONGAN	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN					
						2016	2017	2018	2019	2020	
TERAS STRATEGIK	SO1	Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membina dan membangunkan kecemerlangan akademik dan kualiti diri pelajar.									
	SO2	Membangun keterampilan, kecemerlangan sahsiah serta kemahiran generik pelajar bagi meningkatkan kebolehasaran graduan.									
	SO3	Menghasilkan graduan yang berjiwa keusahawanan.									
	SO4	Memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.									
	SO1	Meningkatkan libat sama industri dalam pembangunan kurikulum program-program di politeknik agar relevan dengan perkembangan teknologi dan keperluan industri semasa.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan aktiviti penandaarasan ke industri sebagai platform untuk mengembelingkan ilmu, kepakaran dan perkongsian pengalaman di antara politeknik dan industri supaya dapat meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan P&P. 2. Mengukuhkan jaringan kolaborasi dan kerjasama pihak External Examiner politeknik dengan industri bagi merangka dan melaksanakan kurikulum. 3. Melibatkan pihak industri dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran (P&P) samada di dalam atau di luar politeknik. 								
	SO2	Melahirkan graduan yang holistik dan seimbang selaras dengan kehendak dan keperluan industri melalui sistem pendidikan di politeknik.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menganalisis kajian untuk mendapatkan input dan gambaran sebenar dari perspektif majikan tentang graduan yang dihasilkan oleh politeknik. 2. Menyebar luas maklumat berkaitan aspek jangkaan majikan terhadap graduan politeknik terutama dari segi pengetahuan dan kemahiran kebolehdapatan kerja kepada pihak yang berkepentingan untuk langkah-langkah penambahbaikan. 3. Memperkasa tahap kompetensi pelajar melalui tempoh kursus latihan industri selama 6 bulan yang menjadi platform kepada pelajar politeknik untuk mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang dipelajari sepanjang berada di politeknik serta membolehkan mereka mempelajari cara-cara untuk menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan. 4. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal serta kemahiran generik graduan melalui pelaksanaan Work Based Learning(WBL). 5. Memantapkan persediaan pelajar dari segi ketahanan mental dan emosi dalam menghadapi cabaran alam pekerjaan. 	Dr. Hj Abdul Rahim B. Othman Norsheila Bt. Saruddin J Sam Bin Hamidon Kamarul Ariffin B. Abd Rashid UPLI		Laporan Kajian Keupasan Majikan	2016 (3.80)	2017 (4.00)	2018 (4.00)	2019 (4.50)	2020 (4.50)
	SO1	Memperkasakan pelaksanaan P&P.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperbagaikan kaedah penyampaian P&P melalui pendekatan konsep mentor-mentee bagi kumpulan sasar (terbaik, sederhana dan rendah) 2. Mempergiatkan lagi Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) bagi menambahkan pengetahuan dan keupayaan pelajar. 3. Mengadakan bengkel bersama pemeriksa luar bagi setiap program untuk melihat soalan-soalan yang dibangunkan oleh pensyarah sekurang-kurangnya sekali setahun. 4. Menganjurkan forum P&P dalam kalangan pensyarah @ industri bagi membincangkan isu berkaitan P&P, kerjaya dan semasa untuk tujuan meningkatkan prestasi pelajar. 5. Mengenalpasti alumni yang berjaya untuk ditonjolkan sebagai idola kejayaan kepada pelajar PSP. 6. Mewujudkan platform sama ada dalam media sosial (website, blog, facebook @instagram) berkaitan kejayaan bekas pelajar (alumni) untuk menyuntik semangat semangat pelajar PSP dalam mana-mana bidang berkaitan. 								

PERNYATAAN DASAR	INISIATIF	PELAN TINDAKAN	PENERAJU (JABATAN /UNIT)	AGENSI/ INDUSTRI SOKONGAN	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN				
						2016	2017	2018	2019	2020
TERAS STRATEGIK	SO1	Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membina dan membangunkan kecemerlangan akademik dan kualiti diri pelajar.								
	SO2	Membangun keterampilan, kecemerlangan sahsiah serta kemahiran generik pelajar bagi meningkatkan kebolehasaran graduan.								
	SO3	Menghasilkan graduan yang berjiwa keusahawanan.								
	SO4	Memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.								
	SO2	<p>Memantapkan Karnival Kerjaya yang meliputi semua bidang pengajian.</p> <p>Memperkasakan sesi temuduga di dalam kampus kepada pelajar semester akhir pada setiap semester.</p> <p>Meningkatkan peluang pekerjaan pelajar melalui agensi yang terlibat dengan penempatan pekerjaan.</p> <p>Memperkasakan mekanisme pengisian borang Kajian Pengesanan Graduan Secara Online semasa konvokesyen.</p> <p>Memantapkan maklumat kerjaya yang mesra pengguna dalam laman sesawang PSP.</p>	<p>1. Mengadakan karnival kerjaya secara kolaborasi dengan Persatuan Alumni PSP dan rakan TVET yang lain seperti JMTI,ILP,IKBN dan Kolej Komuniti sekurang-kurangnya sekali setahun.</p> <p>1. Menjemput syarikat luar untuk mengadakan sesi temuduga kepada pelajar semester akhir.</p> <p>2. Mendapatkan peluang pekerjaan melalui perkongsian pintar bersama syarikat yang telah menjalinkan LOI dengan PSP.</p> <p>1. Memanjangkan resume pelajar kepada pihak CLAB untuk tujuan penempatan kerja mengikut bidang.</p> <p>2. Menggalakkan pelajar mengisi maklumat diri secara atas talian di laman sesawang JobsMalaysia.</p> <p>1. Menghantar surat penerangan pengisian kajian melalui surat jempukan konvo.</p> <p>2. Mewar-warkan pengisian maklumat graduan melalui web konvo yang disediakan.</p> <p>3. Memastikan semua graduan mengisi borang kajian pengesanan dengan melengkapkan status mereka (bekerja, tidak bekerja, sambung belajar dll) dengan kerjasama daripada JK Konvokesyen spt Alumni, Pendaftaran, Peperiksaan dan Jubah serta ICT).</p> <p>4. Memohon pihak ICT menyediakan makmal komputer untuk mengisi kajian ini secara online di politeknik (JMSK dan JKE).</p> <p>1. Menambahbaik laman sesawang PSP dengan mewujudkan menu "kerjaya" sebagai tambahan kepada menu utama.</p> <p>2. Menggalakkan pelajar mengakses web PSP yang mengandungi maklumat pekerjaan dari masa ke semasa.</p>	CISEC J Sam B. Hamidon Kamarul Ariffin B. Abd Rashid		KPG -Dokumen Kajian Pengesanan Graduan	90%			

TERAS 1 : GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG


PERNYATAAN DASAR	INISIATIF	PELAN TINDAKAN	PENERAJU (JABATAN /UNIT)	AGENSI/ INDUSTRI SOKONGAN	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN					
						2016	2017	2018	2019	2020	
TERAS STRATEGIK	SO1	Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membina dan membangunkan kecemerlangan akademik dan kualiti diri pelajar.									
	SO2	Membangun keterampilan, kecemerlangan sahsiah serta kemahiran generik pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.									
	SO3	Menghasilkan graduan yang berjiwa keusahawanan.									
	SO4	Memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.									
